

Headline	Kadar tarif elektrik baharu tak beban rakyat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jan 2022	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	4
ArticleSize	132 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,675		



Kadar tarif elektrik baharu tak beban rakyat

Kota Bharu: Kerajaan memper-timbangkan semula kadar tarif elektrik negara ini bagi tempoh 2022 sehingga 2024 bagi mengu-rangkan bebanan kepada ra-kyat.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Has-san, berkata keputusan mende-nai tarif baharu elektrik untuk tempoh tiga tahun itu akan di-umumkan dalam masa terdekat.

Katanya, kerajaan sudah mengkaji dengan mengambil kira keadaan negara ini yang baru pulih daripada COVID-19 dan kris-is ekonomi.

"Pengisytiharan mengenai tar-if elektrik itu akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa ter-dekat.

"Jumlah keseluruhan penggu-na elektrik di seluruh negara adalah sebanyak lapan juta dan 85 peratus daripadanya adalah pengguna domestik, manakala selebihnya komersial serta in-dustri.

"Saya memberi jaminan baha-wa kadar tarif elektrik baharu ini tidak akan memberi bebanan kepada rakyat, terutama peng-guna domestik," katanya.

Beliau berkata demikian keti-ka ditemui pada Majlis Penyam-paian Sumbangan Kepada Per-satuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kelab di Pusat Khid-mat Ahli Parlimen Kota Bharu di Jalan Bayam di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Takiyuddin yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, kadar tarif elek-trik untuk pengguna industri dan komersial juga mungkin akan ada pengubahsuaian.

Dalam perkembangan lain, be-liau berkata, semua bekalan elek-trik di lokasi yang terjejas banjir; termasuk Selangor dan Pahang sudah pulih 100 peratus, iaitu yang menggunakan aliran biasa serta jana kuasa mobil.

"Namun, ketika ini, pihak Te-naga Nasional Berhad (TNB) da-lam tempoh untuk membaik pu-lih tiang elektrik yang terjejas. Banyak lagi tiang yang perlu di-baiki yang memerlukan kos ra-tusan juta ringgit," katanya.